

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM(6) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Terangkan, melalui interaksi rumus sintaksis yang macam manakah, ayat-ayat di bawah ini dapat anda terbitkan:
  - (a) Tali yang diikatkan pad tiang elektrik itu didapatinya sudah putus.
  - (b) Pencuri itu saya sangka sudah anda berkas.
  - (c) Sawah yang emak tanami dengan padi itu nampaknya tidak subur. (Emak bercakap dengan anaknya)
2. Dengan menggunakan teori tatabahasa hubungan jelaskan apa sebenarnya ayat pasif, dan buktikan dengan alasan sintaksis yang anda ketahui bahawa contoh ayat yang anda perturunkan itu benar-benar ayat pasif dalam bahasa Malaysia.
3. Teliti ayat yang disediakan di bawah ini, dan kemudian bincangkan dari sudut sintaksis:
  - (a) Benarkah ayat (1a) ayat pasif?
    - (1a) Tiang itu terpacak di tepi jalan.
  - (b) Gramatiskah ayat (1b)?
    - (1b) Kebun itu belum lagi ditanami dengan sayur si Panjang.

4. Teliti ayat yang saya sediakan di bawah ini, dan kemudian tuliskan saya suatu tatabahasa GT yang lengkap yang boleh menghasilkan kesemua ayat itu.
  - (a) Ali tidur.
  - (b) Dia menghadiahkan beg itu kepada Hasnah.
  - (c) Emak sudah ke pasar.
  - (d) Dia menangis.
  - (e) Ali menganggap bahawa saya pelajar.
  - (f) Dia berjumpa dengan saya.
  - (g) Hasnah menaburi sawah itu dengan benih padi.
  - (h) Ahmad sompong.
  - (i) Mestikah Ali menyiapkan tugasannya sekarang?
  - (j) Ali sedang membaca buku yang tebal itu.
  - (k) Ahmad guru.
  - (l) Hasnah akan menulis surat.
5. Perlihatkan bagaimana FN yang berkedudukan/berposisi OL, O OBL (benefaktif dan instrumental) dan O PER. dapat direlatifkan dalam bahasa Malaysia.
6. Benar atau tidak benar bahawa ayat pasif bahasa Malaysia boleh kita terbitkan daripada ayat pasif mengikut teori GT. Bincangkan.